

## PENAMATAN PROGRAM KHAS PEREMITAN PENDAPATAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin merujuk kepada Program Khas Peremitan Pendapatan (PKPP) yang telah ditawarkan melalui Kenyataan Media bertarikh 16 November 2021. Adalah dimaklumkan bahawa, susulan daripada pengumuman oleh Kementerian Kewangan Malaysia bertarikh 30 Disember 2021 berkenaan penambahbaikan dasar layanan cukai terhadap pendapatan luar negara, HASiL telah membuat keputusan untuk menamatkan PKPP yang telah ditawarkan tersebut berkuat kuasa mulai tarikh Kenyataan Media ini.

Keputusan untuk menamatkan PKPP ini dibuat setelah mengambil kira pengecualian cukai yang diumumkan oleh Kementerian Kewangan terhadap pendapatan daripada punca luar negara yang diterima di Malaysia oleh individu pemastautin (selain pendapatan perkongsian). Layanan pengecualian yang sama juga diberikan kepada pendapatan dividen daripada punca luar negara yang dibawa masuk oleh syarikat dan perkongsian liabiliti terhad. Pengecualian ini adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang dinyatakan dalam Perintah Cukai Pendapatan (Pengecualian) yang akan dikeluarkan di bawah seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Walau bagaimanapun, pendapatan punca luar negara lain yang tidak dikecualikan dan dibawa masuk ke Malaysia mulai 1 Januari 2022 hendaklah dilaporkan di dalam Borang Nyata bagi tahun taksiran yang berkaitan. Pendapatan luar negara yang masih tertakluk kepada cukai dan dibawa masuk ke Malaysia dalam tempoh 1 Januari 2022 hingga 30 Jun 2022 akan dikenakan cukai pada kadar konsesi 3% sepertimana yang diumumkan melalui Bajet 2022 dan diperuntukkan di bawah Akta Kewangan 2021. Selepas tamat tempoh tersebut, kadar cukai asal akan terpakai mengikut kategori pembayar cukai yang berkenaan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas berkaitan boleh diajukan kepada HASiL melalui:

- a) Hasil Care Line di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi LHDNM di pautan pantas

<https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/MaklumBalas/ms-my/>.

# # #

**SEKIAN, TERIMA KASIH**



---

**Dikeluarkan Oleh:**

**Bahagian Komunikasi | Pejabat Ketua Pegawai Eksekutif  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Care Line : 03-8911 1000 / 603-8911 1100 (luar negara)

Hasil Recovery Call Centre: 03-8751 1000

Portal Rasmi : [www.hasil.gov.my](http://www.hasil.gov.my)

**Tarikh: 11 Mac 2022**

